

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH
[JASIN]

TARIKH : 21 MEI 2015 (KHAMIS)

SOALAN :

DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH [JASIN] minta
PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) pencapaian petunjuk prestasi utama (KPI) bagi golongan Bumiputera di semua Kementerian dan agensi Kerajaan; dan
- (b) langkah memperkasakan agenda ekonomi Bumiputera dilaksanakan di semua Kementerian dan agensi bagi memastikan pembangunan negara bersifat inklusif.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

(a) Pencapaian pelaksanaan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Pemerksaan Ekonomi Bumiputera (PEB) bagi tahun 2014 oleh semua kementerian yang merangkumi penglibatan agensi Kerajaan di bawahnya adalah seperti berikut:

- i) sebanyak 18 kementerian yang memperolehi skor pencapaian *on target* iaitu 100% dan ke atas;
- ii) sebanyak 6 kementerian yang memperolehi skor pencapaian *below target*, iaitu kurang daripada 100%;
- iii) secara keseluruhannya, 71.3% (92 KPI PEB) daripada keseluruhan 129 KPI PEB yang dilaksanakan oleh semua kementerian telah menepati sasaran pelaksanaan secara *on-target* dan ke atas. Hanya 28.7% (37 KPI PEB) didapati memperoleh pencapaian pada tahap *below target*; dan
- iv) antara KPI PEB yang telah menepati sasaran pelaksanaan secara *on-target* dan ke atas dan menghasilkan impak yang signifikan terhadap agenda PEB adalah:

Kementerian	KPI	Sasaran	Pencapaian
Kementerian Kewangan	Nilai kontrak yang ditawarkan kepada syarikat Bumiputera bagi Projek Mass Rapid Transit oleh MRT Corporation Sdn. Bhd. menerusi pelaksanaan dasar <i>carve-out</i>	49.0%	50.0%
Kementerian Pengangkutan	Peratusan penyewaan premis perniagaan di KLIA dan KLIA2 oleh syarikat Bumiputera	24.0%	63.7%

(b) Antara langkah memperkasakan agenda ekonomi Bumiputera yang dilaksanakan oleh kementerian dan agensinya bagi memastikan pembangunan negara bersifat inklusif adalah seperti berikut:

- i) bagi tahun 2015, kementerian dan agensinya telah menetapkan KPI PEB yang lebih komprehensif dan berimpak besar menerusi pelaksanaan program/projek berkaitan yang kini sedang rancak berjalan. Penetapan KPI PEB pada tahun ini turut lebih bersifat *outcome-based*. Antara KPI PEB yang dikenal pasti berpotensi dalam menjayakan aspirasi PEB adalah:

Kementerian	KPI Utama
Kementerian Kerja Raya	70% pelatih belia Bumiputera yang tamat kursus mendapat peluang pekerjaan di dalam industri pembinaan
Kementerian Pengangkutan	39% daripada keluasan keseluruhan premis perniagaan di KLIA2 disewakan kepada syarikat Bumiputera
Kementerian Komunikasi dan Multimedia	RM300 juta nilai kontrak diperuntukkan kepada kontraktor Bumiputera bagi projek <i>High Speed Broadband</i>
Jabatan Perdana Menteri (Jabatan Perkhidmatan Awam)	75% penajaan biasiswa luar negara Program Khas Kejuruteraan Jepun, Korea, Perancis & Jerman diberikan kepada pelajar Bumiputera

- ii) dalam pada masa yang sama, penekanan seterusnya akan turut diberi untuk meningkatkan penglibatan usahawan Bumiputera dalam beberapa bidang yang berpotensi tinggi untuk diterokai. Pada ketika ini, antara bidang yang penglibatan Bumiputera adalah masih rendah termasuk industri berteknologi tinggi (misalnya sektor pembinaan, pembuatan dan automotif) serta industri kreatif (misalnya penerbitan dokumentari, filem dan animasi; seni reka fesyen dan kandungan kreatif lain). Selain itu, usaha secara berterusan bagi meningkatkan bilangan profesional antaranya dalam bidang perakaunan dan kejuruteraan turut sedang

dilaksana. Begitu juga dengan penumpuan terhadap aspek pembangunan kapasitas, yang merupakan nadi utama dalam aspek memperhebatkan keusahawanan dan perniagaan Bumiputera.

Sekian, terima kasih.